

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SETIAWANGSA)**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menjadikan Sekolah Kebangsaan sebagai sekolah pilihan ibu bapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memperkasakan sekolah kebangsaan (SK) melalui langkah yang berikut:

- i. menyediakan infrastruktur yang lengkap dan berkualiti;
- ii. mengupayakan pemimpin dan guru yang cekap, kompeten dan berkualiti;
- iii. memastikan semua murid Tahap 1 menguasai 3M (membaca, menulis dan mengira);
- iv. memastikan kemenjadian murid secara holistik yang merangkumi aspek kognitif, afektif dan psikomotor;
- v. menyediakan sistem sokongan yang kuat dan mencukupi;
- vi. menyediakan iklim dan budaya sekolah yang sihat;
- vii. menawarkan dan melaksanakan kurikulum berasaskan pelanggan; dan
- viii. memantapkan pelaksanaan aktiviti kokurikulum dan sukan.

Di samping itu, KPM telah menawarkan mata pelajaran bahasa tambahan di SK, iaitu Bahasa Cina Komunikasi, Bahasa Tamil Komunikasi dan Bahasa Arab Komunikasi bagi menjadikan SK sebagai sekolah pilihan masyarakat. KPM juga mempunyai perancangan memperluaskan penawaran bahasa tambahan ini di lebih banyak SK dalam usaha menjadikan sekolah tersebut sebagai sekolah pilihan.

KPM akan terus memperkasa SK melalui inisiatif yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Tahun 2013-2025.